

**Peningkatan kualiti diri menerusi nilai-nilai produktiviti dan motivasi berdasarkan kitab *Bashir al-Ikhwan bi Asbab al-Mawt Ala al-Iman***

**Tulisan**

**Khairul Nizam bin Zainal Badri**

**Puchong**

**Pengenalan**

Dalam industri, kualiti adalah meliputi semua tindakan dan hasil serta aspek antara kedua-duanya yang bernilai kepada pelanggan.<sup>1</sup> Kualiti kemudiannya dianggap sebagai satu subjek yang sangat penting yang kemudiannya dikaji dan dibincang oleh penyelidik dan ahli akademik dalam bidang falsafah, ekonomi, pemasaran dan pengurusan operasi dari berbagai-bagai perspektif.<sup>2</sup> Walaubagaimanapun, batasan kajiannya adalah secara makro iaitu tertumpu kepada hal-ehwal organisasi sahaja. Sedangkan yang menatijahkan kepada keunggulan sesebuah organisasi tidak lain tidak bukan adalah dari individu yakni tenaga manusia yang menjadi tunjang untuk menggerakkan perjalanan organisasi tersebut. Maka dalam hal ini, sudah tentulah kualiti individu atau kualiti diri menjadi elemen penting dalam menentukan keunggulan dan kejayaan sesebuah organisasi. Tanpa peningkatan kualiti dalam diri individu, organisasi tidak mungkin dapat berkembang secara positif. Malah tidak mungkin sesebuah organisasi itu dapat bersaing dalam dunia yang serba kompetitif pada masa ini seandainya organisasi itu tidak memiliki pekerja yang berkualiti.

Dua elemen yang mempunyai kaitan dengan kualiti ialah produktiviti dan motivasi. Produktiviti jika merujuk kepada Kamus Melayu Pusat Rujukan Persuratan Melayu membawa maksud “daya pengeluaran” manakala motivasi merujuk kepada sumber yang sama membawa maksud “keinginan yang keras atau semangat yang kuat pada diri seseorang yang mendorongnya untuk berusaha atau melakukan sesuatu dengan tujuan untuk mencapai kejayaan”.<sup>3</sup> Kedua-dua elemen ini menjadi asas kepada penjana prestasi, ketahanan diri, kebolehpercayaan, kelenturan dan ketepatan dalam melaksanakan sesuatu tugas atau membuat keputusan. Peningkatan prestasi, kekuatan ketahanan diri, kebolehpercayaan, kelenturan dan ketepatan yang tinggi lazimnya membuahkan kualiti yang unggul.

Agak menarik apabila membincangkan soal kualiti ini khususnya tentang kualiti diri kerana alim-ulama di Alam Melayu terlebih dahulu telah pun membicarakannya walaupun tidak secara langsung. Salah satu tulisan yang menyentuh tentang kualiti diri adalah yang ditulis oleh ulama besar Alam Melayu abad ke-18/19 Masehi iaitu Al-Allamah Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani yang berjudul *Bashir al-Ikhwan bi Asbab al-Mawt Ala al-Iman*. Kitab ini secara umumnya berisi zikir dan wirid namun jika ditelusuri secara halus mengandungi pelbagai makluman dan peringatan yang ada kaitan dengan kualiti diri. Apapun, kitab ini tersangatlah langka bahkan masih dalam bentuk manuskrip yang hanya boleh diakses di Perpustakaan Negara Malaysia. Atas dasar itu, penulis berasa

---

<sup>1</sup> Mohd Ashari Idris. 2004. *Orientasi Kualiti Prinsip dan Amalan Strategik*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. UKM. Bangi. Hlm.19

<sup>2</sup> Ibid

<sup>3</sup> Lihat Pusat Rujukan Persuratan Melayu. Dicapai di <http://prpm.dbp.gov.my> pada 21 Ogos 2012

bertanggungjawab untuk menelaah isi kandungan kitab tersebut sekaligus menjadikan kitab berkenaan sebagai objek utama kajian.

### **Sejarah penulisan kitab**

Kitab ini asalnya adalah terjemahan kepada kitab yang berjudul *Basha'ir bi asbab husn al-khatimah* yang bermaksud Khabar yang menyukakan kesudahan dengan beberapa sebab membaikkan khatimah yang dikarang oleh al-Arif Billah al-Dani Sayyid Abdullah Mir Ghani Qaddasa'Llah sirruh.<sup>4</sup> Menurut almarhum Haji Wan Mohd Saghir, Sayyid Abdullah Mir Ghani adalah merupakan guru kepada Syeikh Daud bin Abdullah Fathani.<sup>5</sup> Kitab ini dikatakan mempunyai kandungan yang sangat bernilai seperti yang dinukil oleh penterjemahnya iaitu Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani, "Suatu risalah yang amat besar kadarnya, lagi amat tinggi kelakuannya, lagi lengkap manfaatnya tetapi terlebih sebesar-besar barang yang diamati dengan dia segala orang yang mukmin".<sup>6</sup> Manakala penterjemah kitab menamakan kitab terjemahan ini sebagai *Basha'ir al-Ikhwan* dengan beberapa sebab dimatikan Allah Ta'ala di atas iman.<sup>7</sup>

Kitab ini selesai diterjemah pada malam Khamis, 8 Rabi'ul Awwal 1226 Hijriyyah di negeri Makkah al-Musyarrifah<sup>8</sup> dan secara keseluruhannya ia mengandungi 11 halaman lengkap.

### **Nilai-nilai Produktiviti**

#### Bacaan dan Amal

Natijah kesudahan yang baik adalah berpunca dari dua perkara iaitu bacaan dan amal. Adapun bacaan itu adalah dengan menetapkan Allah akan segala mereka yang percaya akan Allah dengan perkataan yang tetap pada dalam kehidupan di dalam dan di dalam akhirat.<sup>9</sup> Manakala amal pula ialah dengan mengerjakan taat dan ibadat.<sup>10</sup>

Kata syeikh yang menukil dari kata muallif, "Adapun husn al-khatimah itu terbahagi kepada tiga iaitu pertama, am bagi segala orang yang awam mukmin dan yaitu atas Islam. Dan kedua, khas bagi khawas dan yaitu mati atas iman dan baik bagi muamalat, yakni bakti bagi Tuhannya. Dan ketiga akhsa al-khawas bagi orang yang terlebih akhas bagi khawasnya. Dan yaitu dimatikan atas ihsan, yakni dimatikan di dalam mengerjakan ibadah seolah-olah ia melihat akan Tuhannya. Yakni muraqabah akan raja malik al-adyan dan adalah maqam ini yang terlebih baik bagi yang segala baik pada hakikatnya".<sup>11</sup>

#### Sedekah

---

<sup>4</sup> Daud bin Abdullah al-Fathani. *Bashir al-Ikhwan bi-Asbab al-Mawt Ala al-Iman*. Manuskrip MSS 2273. Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia. Kuala Lumpur. Hlm.2

<sup>5</sup> Haji Wan Mohd Saghir Abdullah. 1990. *Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani Ulama dan Pengarang Terulung Asia Tenggara*. Penerbitan Hizbi. Shah Alam. Hlm.62

<sup>6</sup> Daud bin Abdullah al-Fathani. *Op.Cit.* Hlm.3

<sup>7</sup> *Ibid*

<sup>8</sup> *Ibid.* Hlm.12

<sup>9</sup> *Ibid.* Hlm.4

<sup>10</sup> *Ibid.* Hlm.3

<sup>11</sup> *Ibid.* Hlm.8

Kata Syeikh sambil memetik sabda Nabi saw, “Bahawasanya sedekah itu sesungguhnya memadamkan murka Tuhan dan menolakkan mati kejahatan”.<sup>12</sup>

Menziarahi Nabi saw

Sabda Nabi saw, “Barangsiapa ziarahi kuburku nescaya wajib baginya syafaatku”.<sup>13</sup>

Menuntut ilmu, mengerjakan haji dan berpuasa

Kata syeikh dengan memetik kata setengah ulama, “ Bahawasanya maut itu apabila datang akan seseorang pada hal ia di dalam mengerjakan amal kebajikan seperti menuntut ilmu atau di dalam mengerjakan haji atau kemudian daripada puasa adalah ia mati syahid, maka dinamakan husn al-khatimah.<sup>14</sup>

Ijtihad (Usaha bersungguh-sungguh)

Kata syeikh dengan menukil kata muallif, “Maka ijtihadkan olehmu hai orang yang maksudkan bagi ketinggian bahawa ada ia maksudmu akan mushahadah bagi Tuhanmu jua. Maka bahawasanya ialah yang amat besar seperti kata Ibn Ataillah al-Iskandari dengan maksudnya, Bermula sempurna nikmat itu melainkan engkau kepada wajah Tuhan yang amat mulia”.<sup>15</sup>

Untuk menggapai makam mushahadah ini, menurut syeikh ialah dengan memelihara hati daripada lalai serta tidak berpaling kepada yang lain daripada-Nya.<sup>16</sup>

Taqwa

Kata syeikh dengan mengambil sabda Nabi saw, “Dan telah aku berpesan akan dikau ya Aba Zar dengan takut kamu akan Allah Ta’ala. Maka bahawasanya ialah kepala sekalian pekerjaan. Maka wajib atas orang yang sadiq pada menuntut akan husn al-khitam. Bahawa ia bersungguh-sungguh akan taqwa Allah barang yang sedapatnya”.<sup>17</sup>

Ikhlas, Tawakkal dan Baik Sangka

Kata syeikh, “Dan sekuasanya yaitu bahawa ia mengerjakan barang yang disuruh Allah Ta’ala dan mengerjakan segala rukun Islam dan mendirikan ia dia atas jalan yang sempurna dengan ikhlas bagi Allah dan berpagi pula atas kadar sebolehnya daripada sifat yang kepuji-pujian pada batinnya dan tawakkal dan membaikkan sangka akan tuhannya pada segala barang hukum yang didatang daripada Allah Ta’ala kerana Tuhannya tiada hampir buat sesuatu melainkan dengan hikmat-Nya lagi ia terlebih kasih sayang bagi segala hamba daripada ibu kepada anaknya dan menjauhkan segala tegah-Nya daripada maksiat zahir dan batin”.<sup>18</sup>

Doa

---

<sup>12</sup> Ibid. Hlm.4

<sup>13</sup> Ibid

<sup>14</sup> Ibid

<sup>15</sup> Hlm.8

<sup>16</sup> Ibid

<sup>17</sup> Ibid. Hlm.9

<sup>18</sup> Ibid

Kata Syekh, "Maka doa ini adalah kepala ibadat. Maka doa ini menolak bala' dan dengannya dapat keredhaan Allah Ta'ala seperti sabda Nabi saw, Barang siapa tiada memohonkan Allah nescaya dimarahkan atasnya. Dan lagi sabda Nabi saw, Jangan kamu lemah daripada minta kepada Allah Ta'ala maka tiada bahawasanya tiada dibinasa serta doa seorang. Dan lagi sabda Nabi saw, Tiada suatu yang terlebih mulia atas Allah daripada doa. Dan lagi sabdanya, Tiada terkaya takut daripada takdir dan doa itu memberi manfaat daripada barang yang turun daripada bala' dan daripada barang yang lagi diturunkan. Dan bahawasanya bala' sesungguhnya diturunkan. Maka mendapat akan dia oleh doa maka berlawannya kedua-dua yakni diangkat dia hingga hari kiamat. Dan lagi sabda Nabi saw, Barang siapa dibukakan baginya pada minta doa daripada kamu maka dibukakan baginya pula beberapa pintu perkenannya".<sup>19</sup>

### Nilai-nilai Motivasi

1. Barang siapa mengata pada akhir kalimahya daripada dunia *La ilaha illa 'Llah* nescaya masuk syurga dan jikalau berzina ia dan mencuri sekalipun.<sup>20</sup>
2. Barang siapa membaca *al-hamd li'Llah rabb al-alamin* tiga kali dan *tabaraka alladhi bi yadihi al-mulk yuhyi wa yumit wahuwa 'ala kulli shay'in qadir*, barang siapa membaca akan dia pada ketika hadir wafatnya dimasukkan akan dia di dalam syurga dengan tiada hisab.<sup>21</sup>
3. Barang siapa memohonkan berlindung daripada api neraka tiga kali maka berkata neraka itu: Hai Tuhanku peliharakan olehmu akan dia daripada api neraka.<sup>22</sup>
4. Barang siapa membaca akan *Ayat Kursi* mengiringi bagi tiap-tiap sembahyang yang lima waktu tiada menegahkan dia daripada masuk akan syurga melainkan bahawa ia mati.<sup>23</sup>
5. Barang siapa mengekali atas membaca *Ayat Kursi* dan *aman al-rasul* hingga akhir surahnya dan *shahida'Llah* hingga sampai kepada *bi-ghayr hisab* dan *surah al-Ikhlash* dan *Qul a'uzu bi-rabb al-falaaq* dan *Qul a'uzu bi-rabb al-nas* dan *al-Fatihah* pada tiap-tiap kemudian daripada sembahyang lima waktu nescaya sentosa ia daripada ditinggalkan imannya.<sup>24</sup>
6. Dan setengah daripadanya barang yang diriwayatkan daripada Syekh Abd al-Wahid anak Abi Bakr al-Qadi rahmatu'Llah Ta'ala doa dibacakan pada pagi dan petang, yaitu *ya Allah inni a'udhubika min al-makari wa al-istidraj*. Maka bahawasanya ia memeliharakan bagi orang yang membaca akan dia daripada mati kejahatan.<sup>25</sup>
7. Dan setengah daripadanya barang yang dinukil daripada Arif bi-Llah al-Amjad al-Sayd al-Sharif Abdullah anak Alwi al-Haddad radiya'Llah 'anh berkata ia dan setengah daripada barang yang mewajibkan kebaikan tatkala hendak mati dibaca kemudian daripada

---

<sup>19</sup> Ibid

<sup>20</sup> Ibid. Hlm.5

<sup>21</sup> Ibid

<sup>22</sup> Ibid

<sup>23</sup> Ibid

<sup>24</sup> Ibid. Hlm.6

<sup>25</sup> Ibid. Hlm.6

sembahyang maghrib empat kali *astaghfiru'Llah alladhi lailaha illah huwa al-rahman al-rahim al-hayyu al-qayyum alladhi la yamut wa atub ilayh. Rab ighfarli.*<sup>26</sup>

8. Dan setengah daripadanya barang yang diriwayat daripada setengah arifin radiya'Llah anhum ajma'in, barang siapa membaca kemudian daripada sembahyang maghrib dahulu daripada bahawa berkata-kata, yaitu *Allahumma salli 'ala sayyidina Muhammadin wa alihi wa sahbihi bi-adada kulli harafin jara bihi al-qalam* sepuluh kali nescaya mati atas iman.<sup>27</sup>
9. Barang siapa membaca pada pagi-pagi dan petang-petang, yaitu *subhana al-abadiy al-abad, subhana al-wahid al-ahad, subhana fard al-samad, subhana man rafa' al-sama' bi ghayr 'amad, subhana man basata al-ard 'ala ma' jamad, subhana man khalaq al-khalq fa-ahsahum 'adad, subhana man qasama al-rizq wa lam yans ahad, subhana man lam yattakhidh sahibah wa la walad, subhana alladhi lam yalid wa lam yulad wa lam yakun lahu kufuan ahad* nescaya sentosa daripada azab-Ku.<sup>28</sup>
10. Dan setengah daripadanya barang yang diriwayatkan daripada Imam Ahmad bin Hanbal radiya'Llah 'anh dan ia setengah daripada orang yang membanyakkan membaca al-Quran, maka bahawasanya barang yang diriwayatkan daripadanya bahawasanya berkata ia; Aku lihat akan Rabb al-Izzah pada tidurku, maka kataku bagi-Nya; Dan dengan apa dapat mendampingkan kepadamu segala orang mendamping. Maka firman-Nya: Dengan kalam-Ku yakni dengan membanyakkan membaca al-Quran. Maka kataku: Dengan apa faham atau tiada dengan faham. Maka firman-Nya: Dengan faham atau tiada dengan faham. Dan setengah daripada barang yang diriwayatkan Qusyairi daripada Imam Malik radiya'Llah 'anh: Bahawasanya dikata baginya apa diperbuat Allah bagimu kemudian daripada matimu. Maka katanya: Telah diampun bagiku dengan kalimah.<sup>29</sup>
11. Dan kata al-'Arif bi'Llah Ta'ala Abu Bakr al-Katani qaddasa 'Llah sirruh, katanya, "Aku lihat akan Nabi pada tidurku. Berkata engkau pohon olehmu ya Rasulullah akan aku bahawa jangan dimatikan hatiku. Maka bersabda ia baca olehmu tiap-tiap hari empat puluh kali *ya hayyu ya qayyum lailaha illa anta* antara sembahyang sunat subuh dan fardunya.<sup>30</sup>
12. Barang siapa membaca pada hari Asyura tujuh puluh kali *hasbuna'Llah wa ni'ma al-wakli ni'ma al-mawla wa ni'ma al-nasir*. Dan bahawasanya barang siapa membaca pada doa ini tujuh puluh kali nescaya tiada mati pada demikian tahun itu.<sup>31</sup>

## Analisis

Dalam industri, perubahan input dan output diukur secara kualitatif dan kuantitatif. Justeru,

Kualiti dan kuantiti output = Produktiviti keseluruhan/Kualiti dan kuantiti input.<sup>32</sup> Dengan menukar pembolehubah motivasi, maka persamaan kualiti dan kuantiti output adalah seperti berikut,

---

<sup>26</sup> Ibid

<sup>27</sup> Ibid

<sup>28</sup> Ibid. Hlm.7

<sup>29</sup> Ibid

<sup>30</sup> Ibid. Hlm.8

<sup>31</sup> Ibid. Hlm.11

Kualiti dan kuantiti output = Motivasi keseluruhan/Kualiti dan kuantiti input. Berdasarkan persamaan tersebut, dapatlah dirumuskan bahawa kualiti diri bertambah apabila produktiviti dan motivasi dalam diri bertambah. Pertambahan kualiti diri ini adalah seiring dengan pertambahan kuantiti kepada nilai kualiti itu. Sebagai contoh, apabila seseorang itu semakin produktif mengerjakan amalan dan bacaan maka kualiti dirinya bertambah di sisi Tuhan dimana darjatnya diangkat sesuai dengan amalan dan bacaan yang dilakukan. Begitu juga dengan seseorang yang sentiasa bermotivasi mengucapkan kalimah tauhid maka beliau akan sentiasa berasa berada dalam pengawasan Tuhan dan sebagai ganjaran dimasukkan ke dalam syurga atas amalannya yang berpegang kepada kalimah tersebut.

### Nilai-nilai produktiviti

No	Nilai	Output	Peningkatan kualiti
1	Amal dan Bacaan	Kesudahan yang baik	Maqam mengikut tingkatan amal dan bacaan seseorang iaitu samada am, khas atau akhsa al-khawwas
2	Sedekah	Memadamkan murka Tuhan dan menolakkan mati kejahatan	Kekerapan seseorang itu bersedekah menjadikan seseorang itu semakin dekat dengan husn al-khatimah
3	Menziarahi Nabi saw	Syafaat Nabi saw	Mengingati Nabi saw memudahkan mendapat syafaat Nabi saw
4	Menuntut ilmu, mengerjakan haji dan berpuasa	Mati syahid	Mati dalam keadaan husn al-khatimah
5	Ijtihad	Memelihara hati dari lalai mengingati Allah	Sebesar-besar nikmat bagi orang yang beriman ialah mushahadah melihat Allah
6	Taqwa	Takut kepada Allah adalah ibu segala pekerjaan	Taqwa membawa kepada husn al-khatimah
7	Ikhlas, Tawakkal dan Baik Sangka	Hikmah Allah hampir kepadanya	Allah menjauhkan dirinya dari segala maksiat zahir dan batin
8	Doa	Doa adalah ibu kepada segala ibadat yang mengharapkan keredhaan Allah semata-	Semakin kerap berdoa, semakin banyak manfaat yang dikurnia Allah dan semakin jauh tertolak bala'

<sup>32</sup> Seppo Saari. 2006. Productivity Theory and Measurement in Business. European Productivity Conference 2006 Finland. Hlm.2

		mata	
--	--	------	--

### Nilai-nilai motivasi

No	Amal	Ganjaran	Peningkatan kualiti
1	Akhir kalimahny La Ilaha Illah	Nescaya masuk syurga	Sentiasa berasa berada dalam pengawasan Allah
2	Membaca al-hamd li'Lllah rabb al-alamn tiga kali dan tabaraka alladhi bi yadihi al-mulk yuhyi wa yumit wahuwa 'ala kulli shay'in qadir	Masuk syurga tanpa hisab	Sentiasa muhasabah diri
3	Memohon perlindungan dari api neraka sebanyak 3 kali	Allah memeliharanya dari disentuh api neraka	Memelihara diri dari melakukan dosa
4	Membaca Ayat Kursi selepas sembahyang 5 waktu	Nescaya masuk syurga	Mendisplinkan diri dengan memelihara solat lima waktu
5	Mengekalkan bacaan Ayat Kursi dan aman al-rasul hingga akhir surahnya dan shahida'Llah hingga sampai kepada bi-ghayr hisab dan surah al-Ikhlal dan Qul a'uzu bi-rabb al-falaq dan Qul a'uzu bi-rabb al-nas dan al-Fatihah selepas sembahyang lima waktu	Terpelihara imannya	Mendisplinkan diri dengan memelihara solat lima waktu
6	Membaca doa pagi dan petang iaitu doa ya Allah inni a'udhubika min al-makari wa al-istidraj	Mati dalam keadaan husn al-khatimah	Berusaha mencari keredhaan dan keampunan Allah
7	Membaca empat kali astaghfiru'Llah alladhi lailaha illah huwa al-rahman al-rahim al-hayyu al-qayyum alladhi la yamut wa atub ilayh. Rab ighfarli selepas sembahyang maghrib	Mati dalam keadaan kebaikan	Berusaha mencari keredhaan dan keampunan Allah
8	Membaca Allahumma salli 'ala sayyidina Muhammadin wa alihi wa sahibihi bi-adada kulli harafin jara bihi al-qalam sepuluh kali selepas maghrib sebelum berkata-kata	Mati dalam iman	Berusaha mencari keredhaan dan keampunan Allah

9	Membaca subhana al-abadiy al-abad, subhana al-wahid al-ahad, subhana fard al-samad, subhana man rafa' al-sama' bi ghayr 'amad, subhana man basata al-ard 'ala ma' jamad, subhana man khalaq al-khalq fa-ahsahum 'adad, subhana man qasama al-rizq wa lam yans ahad, subhana man lam yattakhidh sahibah wa la walad, subhana alladhi lam yalid wa lam yulad wa lam yakun lahu kufuan ahad pada waktu pagi dan petang	Terpelihara dari azab Allah	Berusaha mencari keredhaan dan keampunan Allah
10	Memperbanyakkan bacaan al-Quran	Mendapat pengampunan Allah	Memelihara warak
11	Membaca ya hayyu ya qayyum lailaha illa anta antara sembahyang sunat subuh dan fardunya sebanyak 40 kali	Hati tidak akan mati dari mengingati Allah dan Rasul-Nya	Istiqamah di jalan agama. Agama sebagai banteng diri
12	Membaca pada hari Asyura tujuh puluh kali hasbuna'Llah wa ni'ma al-wakli ni'ma al-mawla wa ni'ma al-nasir	Allah memanjangkan usia	Usaha kemudian bertawakkal kepada Allah

### Budaya Kerja Islami

Matlamat kualiti serta elemen seperti motivasi dan produktiviti adalah untuk melahirkan budaya kerja yang unggul yang boleh disebut sebagai budaya kerja Islami. Tujuh aset yang sangat bernilai dalam membentuk budaya kerja Islami ialah seperti

1. Nilai spiritual (Rukun Iman)
2. Nilai rujukan seperti membaca al-Quran
3. Nilai pengorbanan seperti bersedekah
4. Nilai dinamik dan disiplin diri seperti menunaikan solat
5. Nilai tanggungjawab sosial seperti berjihad dan bersedekah
6. Nilai tanggungjawab diri seperti ikhlas dan baik sangka
7. Nilai sabar seperti memperbanyakkan doa dan bertawakkal<sup>33</sup>

<sup>33</sup> K.H. Toto Tasmara. 2002. Membudayakan Etos Kerja Islami. Gema Insani. Jakarta. Hlm.165



Ternyata, ketujuh-tujuh aset yang sangat bernilai ini ada dinyatakan dalam kitab yang diterjemahkan oleh Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani.

Justeru, budaya kerja Islami boleh dijabarkan dalam bentuk rumus metafora seperti berikut,

$$BK = f N (M, KP)$$

Dimana

BK = Budaya Kerja

N = Nilai atau sistem keyakinan (termasuk moral)

M = Motivasi, faktor penggerak

K = Kawalan

P = Persekitaran<sup>34</sup>

### **Kesimpulan dan Penutup**

Sebagai mengakhiri perbincangan, dapatlah dirumuskan bahawa Alam Melayu tidak ketandusan perbincangan bahan ilmiah sehinggakan isu-isu yang seringkali dijadikan subjek kajian mutakhir ini seperti kualiti sebenarnya telahpun digarap oleh alim-ulama Melayu lebih awal lagi. Adalah menjadi tanggungjawab penyelidik masa kini untuk mengkaji dan menggali penulisan alim-ulama terdahulu kerana penulisan mereka lazimnya mempunyai kesepaduan dunia dan akhirat yang seharusnya menjadi panduan kepada umat masa ini.

### **Daftar Pustaka**

1. Daud bin Abdullah al-Fathani. Bashir al-Ikhwan bi-Asbab al-Mawt Ala al-Iman. Manuskrip MSS 2273. Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia. Kuala Lumpur
2. Haji Wan Mohd Saghir Abdullah. 1990. Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani Ulama dan Pengarang Terulung Asia Tenggara. Penerbitan Hizbi. Shah Alam
3. K.H. Toto Tasmara. 2002. Membudayakan Etos Kerja Islami. Gema Insani. Jakarta
4. Mohd Ashari Idris. 2004. Orientasi Kualiti Prinsip dan Amalan Strategik. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. UKM. Bangi
5. Seppo Saari. 2006. Productivity Theory and Measurement in Business. European Productivity Conference 2006 Finland

---

<sup>34</sup> Ibid